

**Title** : Pengaruh Feudalisme Dalam Masyarakat Melayu

**Author(s)** : Muhammad Aidil Adha Bin Zulkurnain

**Institution** : Universiti Kebangsaan Malaysia

**Category** : Article, Competition

**Topics** : History

## PENGARUH FEUDALISME DALAM MASYARAKAT MELAYU

### 1.0 PENDAHULUAN

Feudalisme berasal daripada perkataan Latin *feodum* atau *feudum* yang membawa maksud fief, sejenis harta feudal yang berbentuk tanah (Herlihy 1969). Istilah feudalisme ini digunakan secara meluas untuk membincangkan sejarah masyarakat Eropah pada abad ke-11 dan 13. Feudalisme sering dikaitkan oleh ahli sejarah dan saintis sosial dengan kemunduran, “jumud” serta agak negatif walaupun pada hakikatnya, feudalisme itu berjaya menyatukan masyarakat eropah pada masa itu (Azmi 2006). Feudalisme ini meletakkan raja sebagai pemerintah dengan kuasa mutlak dan tidak dapat dicabar. Raja juga akan mendominasi cabang-cabang lain seperti ekonomi dan sosial.

Masyarakat Melayu tradisional mengamalkan sistem politik feudalisme yang meletakkan raja di kedudukan teratas dalam hierarki masyarakat serta mempunyai kuasa mutlak dalam aspek politik, ekonomi serta sosial. Sistem feudalisme ini begitu menebal kepada orang Melayu dan dianggap telah menjadi satu identiti Melayu, dari zaman ke zaman. Orang Melayu juga dikenali sebagai bangsa yang pantang menderhaka kepada raja dan ini diikat oleh konsep daulat-tulah. Dalam feudalisme Melayu, terbahagi kepada 2 golongan iaitu golongan diperintah dan golongan memerintah. Golongan diperintah terdiri daripada rakyat jelata manakala golongan memerintah terdiri daripada raja dan pembesar. Pengkelasan ini terjadi akibat satu peristiwa yang seterusnya membawa banyak kesan kepada kehidupan orang Melayu terutamanya politik.

Dalam esei ini, pengkaji akan menerangkan tentang asal usul kehadiran di alam Melayu mengikut riwayat di dalam Sulalatus Salatin. Pengkaji juga akan menerangkan tentang peranan raja serta rakyat mengikut contoh Kesultanan Melayu Melaka. Seterusnya, pengkaji juga akan memperlihatkan tentang pengaruh feudal dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat terutama masyarakat Melayu.

## 2.0 KEHADIRAN RAJA-RAJA MELAYU

Asal-usul raja-raja dan sistem feodalisme Melayu telah dibincangkan di dalam kitab Sejarah Melayu yang juga dikenali sebagai Sulalatus Salatin yang dikarang oleh Tun Seri Lanang. Menurut Sulalatus Salatin, raja-raja Melayu berasal daripada keturunan Raja Iskandar Zulkarnain yang memerintah Makaduniah. Dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain ini telah lahir Raja Suran yang hebat kerana telah berjaya menakluki banyak negara kecuali negara China. Dalam perjalanan untuk menakluk negara China, baginda sempat menakluk negara Gangga Negara dan mengahwini Puteri Dara Segangga. Baginda juga telah berjaya menakluk negeri Langgiu di hulu Sungai Johor dan membunuh rajanya, Raja Chulan serta mengahwini Puteri Onang Kiu. Setelah diberitakan bahawa negara China amat jauh, Raja Suran membatalkan hasrat baginda.

Baginda ingin mengetahui isi laut lalu masuk ke dalam laut dan tiba di negeri Dika. Baginda bertemu dengan Raja Akhtabul Ardh dan mengahwini puterinya Puteri Mahtabul Bahri. Baginda dikurniakan 3 orang putera iaitu Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama. Tiga orang anak raja ini telah naik ke daratan dan turun di Bukit Seguntang dengan menaiki seekor lembu jantan berwarna putih. Kedatangan mereka ditemui oleh Wan Malini dan Wan Empuk. Kedatangan tiga orang putera ini telah membawa beberapa keajaiban. Mereka dijemput oleh Demang Lebar Daun untuk ke Palembang. Mereka seterusnya ditabalkan menjadi raja dan menjadi pemula kepada salasilah keturunan raja-raja Melayu (A. Samad 1986).

Peristiwa sebelum kelahiran ketiga anak raja ini cukup menggambarkan kepercayaan umat Melayu dengan perkara mistik yang mengiringi kesetiaan terhadap raja-raja. Kehadiran tiga orang anak raja ini dalam keadaan yang sangat ajaib telah meletakkan raja pada kedudukan yang diakui oleh rakyat jelata sebagai tinggi dan lebih baik daripada mereka. Rakyat tradisional melihat perkara ini sebagai keajaiban dan merasa takjub mengenainya.

Terdapat satu persetiaan atau *waadat* yang dirakam di dalam Sulalatus Salatin yang boleh dijadikan satu titik permulaan keturunan raja-raja Melayu. Sri Nila Pahlawan atau Sri Maharaja Sang Sapurba Paduka Sri Trimurti Tri Buana, ringkasnya digelar Sang Sapurba, sedang bersedih kerana malu untuk menyatakan hajatnya untuk memperisterikan anak Demang Lebar Daun iaitu Wan Sendari @ Wan Sundaria (Ali 1987). Hal ini kerana, baginda sebelum ini telah banyak kali berkahwin namun isteri-isterinya akan diserang penyakit kulit setelah tidur bersama. Persetiaan antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun yang telah mengakui bahawa Demang Lebar Daun merelakan keturunannya menjadi hamba kepada keturunan Sang Sapurba serta menerima Sang Sapurba dan keturunan sebagai pemerintah mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa persetiaan ini telah menjadi permulaan kepada penerimaan raja-raja Melayu oleh rakyat secara amnya. Di dalam persetiaan ini, telah terkandung syarat-syarat yang ketara telah menyebelahi keturunan Sang Sapurba secara berat sebelah (Shahrudin 2013). Persetiaan ini juga telah menafikan hak rakyat dengan pentakrifan ketaatan dan kepatuhan yang melampau kepada raja. Ini ialah salah satu ciri feudalisme yang ketara.

Mengenai pemahaman masyarakat tradisional mengenai raja-raja, mereka telah diletakkan dalam pemahaman falsafah dewa raja dan kepercayaan kepada daulatnya raja-raja. Ini menjadikan mereka terikat dan tidak mampu untuk mengatasi kekuasaan raja-raja. Antara pemahaman yang menjadi pengikat rakyat jelata dengan raja-raja ialah setiap raja yang berkuasa mesti mempunyai negeri dan rakyat. Ini telah menjadikan rakyat tidak lari daripada kekuasaan raja-raja. Raja juga mempunyai kuasa yang diturunkan dari generasi ke generasi yang lain dan menjadikan rakyat untuk terus taat kepada raja-raja. Rakyat juga diikat dengan kuasa mutlak raja dan dilarang untuk menderhaka. Perkara ini secara tidak langsung diwarisi dari generasi ke generasi dan menjadi satu konsep yang berjaya menjadikan raja-raja terlalu agung di mata rakyat.

### **3.0 KESULTANAN MELAYU MELAKA**

Kesultanan Melayu Melaka ialah sebuah kesultanan Melayu yang agung sewaktu kegemilangannya di muara Sungai Melaka. Kesultanan Melayu Melaka ini benar-benar mengubah keadaan di kawasan sekitarnya, dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh seorang putera raja yang bernama Parameswara, sekitar tahun 1390-1404 Masihi. Parameswara sebenarnya telah diusir dari Palembang, negeri asalnya sebelum baginda berkelana ke Temasik kini dikenali sebagai Singapura. Di Temasik, Temagi, seorang pegawai Siam, telah dibunuh oleh Parameswara. Baginda lalu memerintah Temasik selama 5 tahun serta dapat mempelajari ilmu-ilmu pentadbiran dan politik (Yusoff Hashim 1989). Di Temasik, baginda telah diserang oleh orang-orang Jawa, lalu baginda melarikan diri menuju ke Muar, Sungai Ujong, Bertam dan selepas itu tiba di muara Sungai Melaka. Di situ, baginda menyaksikan peristiwa menakjubkan iaitu anjing perburuan baginda ditendang oleh seekor pelanduk. Peristiwa ini mengagumkan baginda lantas berhasrat untuk mendirikan negeri di situ. Pada ketika itu, baginda bersandar di sebatang pokok Melaka, lantas baginda menamakan negeri baharu tersebut sebagai Melaka (Zainal 1997).

#### **3.1 Kepentingan Rakyat Kepada Raja**

Kebergantungan para raja dengan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah sangat banyak. Kedua-dua golongan ini saling memerlukan antara satu sama lain.

Raja memerlukan rakyatnya sebagai sumber daulat. Daulat berasal daripada perkataan Arab, *daulatun*, yang bermaksud kuasa, kerajaan, empayar, pemerintahan, dinasti atau negeri. Dalam konteks kerajaan Melayu, daulat menjadi lambang kewibawaan dan legitimasi untuk memerintah sesebuah negeri (Mohd Yusoff t.th). Daulat diakui dapat mempertingkatkan kuasa seorang raja itu. Konsep daulat dikatakan wujud sebelum terbentuknya Kerajaan Srivijaya dan

terbawa sehingga pengasasan Kesultanan Melayu Melaka. Meskipun daulat itu milik sang raja, namun tanpa rakyat yang mengakui kedaulatan seseorang raja itu, maka tiadalah daulat bagi raja itu. Rakyat yang melanggar daulat dikatakan akan ditimpa tulah atau kutukan. Ketulahan ini dikatakan akan terjadi melalui kutukan Sang Hyang Dewata Mulia Raya atau ditelan oleh seekor ular gergasi yang menghuni Sungai Palembang. Cerita zaman berzaman yang diperturunkan oleh generasi terdahulu benar-benar telah berjaya meninggalkan kesan dan ketakutan kepada para rakyat. Rakyat telah diikat dengan konsep daulat-tulah, namun yang menguatkan lagi kepercayaan ini, ialah rakyat itu sendiri. Jadi, peranan rakyat dalam “mendewatakan” raja ialah sangat besar kerana tanpa rakyat, raja hanya bertengkolok tapi tidak berkuasa.

Rakyat juga penting kepada raja untuk mengakui kuasa raja. Pada zaman dahulu, sempadan sesebuah negara ditentukan melalui taat setia rakyat pada raja yang memerintah. Selagimana rakyat sesuatu kawasan itu mengakui kedaulatan dan menumpahkan taat setia, maka itu akan dianggap sebagai wilayah milik raja tersebut. Memberikan taat setia kepada negara lain akan menyebabkan rakyat itu hilang kerakyatannya dan raja hilang jajahan takluknya (Bazrul 2015). Seorang perantau yang menetap di negeri orang tetap tidak akan menumpahkan taat setianya kepada raja negeri yang dia duduki untuk mengekalkan kerakyatannya.

Raja juga memerlukan rakyat untuk tujuan ekonomi. Tidak dinafikan bahawa rajalah yang memiliki sumber ekonomi, namun peranan rakyat dalam ekonomi ialah sesuatu yang tidak boleh disangkal kepentingannya. Rakyat akan menjadi individu yang melakukan aktiviti pertanian, penternakan, perdagangan dan setiap daripada hasilnya, perlu dipersembahkan kepada raja dalam bentuk cukai. Ini menunjukkan peranan rakyat kepada raja-raja sebagai antara penyumbang cukai kepada raja. Ekonomi Melaka pada waktu itu berkembang pesat dan pertanian menjadi antara aktiviti ekonomi yang memberi hasil cukai tertinggi kepada pihak kerajaan Melaka. Walaubagaimanapun, cukai-cukai ini digunakan sepenuhnya oleh pemerintah tanpa digunakan untuk kepentingan rakyat (Husin Ali 2008). Namun begitu, sedikit sebanyak kebbaikannya akan mengalir kepada rakyat dalam bentuk kurniaan diraja.

Selain itu, rakyat juga diperlukan oleh raja sebagai hamba-hamba. Hamba raja. Terdapat banyak pengkelasan hamba semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka namun hanya beberapa sahaja yang benar-benar berkhidmat untuk raja iaitu hamba raja. Hamba raja ialah mereka yang merdeka. Mereka juga digelar budak raja ataupun biduanda (Osborn 1857). Hamba raja ini bertaraf lebih tinggi daripada hamba-hamba yang lain. Hamba raja ini akan menjadi hamba secara turun temurun dan boleh dibebaskan dengan kerelaan raja. Kebanyakan hamba raja ini terdiri daripada mereka yang menyerahkan diri kepada raja setelah melakukan sesuatu kesalahan jenayah dan penyerahan diri ini ialah isyarat memohon ampun daripada raja (Reid 1995). Hamba-hamba raja juga dikenali sebagai dayang-dayang, beti-beti dan perwara.

### **3.2 Kepentingan Raja Kepada Rakyat**

Kepentingan raja kepada rakyat ialah sebagai pusat kuasa. Kesemua kuasa yang berada di dalam negeri ialah milik raja. Kuasa politik, ekonomi dan sosial ialah milik raja dengan erti kata lain raja sebagai pemilik kuasa mutlak di kerajaan monarki pasca-merdeka.

Raja akan bertindak sebagai ketua kerajaan dimana baginda akan menduduki takhta tertinggi dalam hierarki golongan yang memerintah. Kuasa baginda merangkumi ketiga-tiga cabang kuasa iaitu eksekutif, legislatif dan judisiari. Dengan kuasa eksekutif, bagindalah yang mengetuai kerajaan dan mempunyai kuasa mutlak yang tidak boleh dipersoalkan. Karisma raja juga menentukan kekuatan sesebuah kerajaan. Baginda juga bertanggungjawab melantik setiap pembesar untuk membantu baginda menjalankan urusan pentadbiran. Jawatan seperti Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Laksamana, Syahbandar serta pembesar-pembesar daerah ditentukan oleh baginda, berdasarkan kehendak baginda. Kebijaksanaan baginda dalam urusan pelantikan para pembesar mencorakkan haluan negeri. Sebagai contoh, pelantikan Paduka Raja Tun Perak dan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang mana pelantikan kedua-dua tokoh ini membantu Kesultanan Melayu Melaka menjadi agung dan terhindar daripada mara bahaya

peperangan dengan nasihat daripada mereka. Bendahara Paduka Raja Tun Perak pernah menasihatkan Sultan Mahmud Syah agar memerintah dengan tidak menurut hawa nafsu kerana banyak kerajaan telah dibinasakan oleh Allah kerana memerintah dengan menurut hawa nafsu. Tun Perak mahir selok belok pentadbiran dan perhubungan antarabangsa (Awg Asbol 2018). Ini membantu Melaka terus unggul dalam peranan mereka sebagai kuasa geopolitik di Nusantara pada ketika itu. Dalam cabang legislatif, baginda yang akan berkuasa dalam urusan penggubalan undang-undang dan setiap titah baginda dianggap sebagai hukum dan peraturan. Setelah kedatangan Islam ke Melaka sekitar abad ke 7 Masihi (S.Q Fatimi 1963), konsep tiada-undang yang lebih tinggi dan adil daripada hukum Allah s.w.t menjadi pegangan lalu undang-undang yang lebih sistematik dan patuh syariah digubal dan dikuatkuasakan seperti undang-undang dalam negeri, undang-undang pelayaran serta undang-undang perdagangan. Antara contoh undang-undang yang hadir selepas kedatangan Islam pada zaman dahulu ialah Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka (Ahmad Jelani t.th). Undang-undang ini digunakan oleh para pemerintah untuk mengawal rakyat mereka dan mengelakkan negeri daripada berada dalam keadaan kucar-kacir (Abu Hassan 1995). Kuasa raja menerusi cabang kuasa judisiari pula dapat kita lihat menerusi tindakan raja yang boleh menjatuhkan hukuman kepada mereka yang didapati bersalah termasuklah hukuman mati dan memberi keampunan kepada pesalah. Ini dapat mengekal negeri di dalam keamanan berikutan rakyat takut untuk melakukan jenayah.

Selain itu, raja juga ialah pemilik kuasa ekonomi yang unggul. Raja-raja kerajaan Melayu tradisional mendapatkan sumber ekonomi menerusi bidang perdagangan, penyerahan ufti daripada negeri-negeri naungan, berbagai jenis cukai, dan zakat. Perdagangan telah menjadi satu aspek yang mewujudkan ekonomi yang hebat di Melaka. Dengan kedudukan Melaka yang berada di Selat Melaka, selain menjadi kuasa geopolitik yang kuat, Melaka juga muncul sebagai kuasa ekonomi perdagangan yang agung di Nusantara (Mohd Fadli 2018). Ini memberi peluang untuk sultan-sultan Melaka menjadi jaguh dalam ekonomi. Hal ini kerana, setiap pedagang yang berdagang di Melaka akan dikenakan cukai, berdasarkan kadar-kadar yang tertentu mengikut kawasan asal mereka. Sistem percukaian ini memberi banyak



pendapatan kepada kerajaan dan sultan. Sebagai contoh, pedagang daripada India, Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai sebanyak 6 peratus daripada jumlah barang yang dibawa manakala pedagang daripada Jepun dan China dikenakan kadar cukai sebanyak 5 peratus. Selain itu, untuk menetap di Melaka juga perlu dibayar cukai. Ini menambahkan lagi pendapatan sultan sekaligus menyerlahkan kekuatan sultan di dalam ekonomi. Selain itu, sultan juga mempunyai kuasa untuk menggerakkan rakyatnya melakukan kerja-kerja di bawah sistem kerah. Rakyat dikerah untuk melakukan kerja-kerja seperti membina istana, membina jambatan, membina benteng pertahanan dan menjadi tentera (Jomo Sundaram 1986).

Sultan-sultan era Kesultanan Melayu Melaka juga memiliki kuasa dalam bidang sosial. Ini dapat dilihat menerusi kedudukan sultan itu sendiri di dalam hierarki sosial era Kesultanan Melayu Melaka. Sultan menduduki kedudukan teratas dalam hierarki sosial masyarakat diikuti oleh kerabat baginda dan para pembesar (Gullick 1970). Sultan pasca kedatangan Islam bertindak sebagai ketua agama Islam negeri. Baginda berperanan untuk meyebarkan dakwah Islamiah di serata negeri serta negeri-negeri berdekatan. Istana sultan juga menjadi tempat penyebaran Islam dan tempat perbincangan para ilmuwan agama. Sultan berperanan untuk melantik pihak autoriti agama seperti kadi dan penasihat agama. Sultan dianggap sebagai lambang perpaduan rakyat. Hal ini dibuktikan dengan pengislaman sultan telah berjaya mengislamkan serata negeri (Mohd Fadli 2018). Selain itu, kedudukan sultan di hierarki teratas sosial diikat dengan kepercayaan bahawa sultan mempunyai kekeramatan dan kesaktian. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan lambang-lambang kebesaran baginda seperti pakaian dan warna rasmi, alat-alat kebesaran seperti kayu gamit, taru, kemala, surat chiri serta alat-alat muzik seperti nobat, nafiri dan sebagainya. Rakyat juga dipengaruhi dengan konsep daulat-tulah. Rakyat yang melanggar perintah sultan yang berdaulat dikatakan akan mendapat tulah seperti penyakit kulit dan sebagainya.

### 3.3 Konsep Taat Setia Asas Feudalisme

Rakyat perlu menumpahkan taat setia kepada raja dengan sepenuh jiwa dan raga. Kepentingan raja perlu diletakkan melebihi kepentingan diri sendiri. Seorang raja perlu menjadi seperti seorang hamba kepada raja. Hubungan dan perkaitan antara ini di antara raja dan rakyat ini telah diikat sejak dahulu, tatkala *waadat* antara Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat dan Seri Teri Buana yang mewakili raja (Anon 2017). *Waadat* ini ditaati sejak sekian lama dan dijunjung sehingga sekarang walaupun ada sedikit pelanggaran. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan beberapa peristiwa buruk yang terjadi asbab menderhaka kepada raja seperti yang dirakamkan di dalam Sulalatus Salatin iaitu kisah Sang Rajuna Tapa serta Megat Sri Rama. Selain itu, kesetiaan dan ketaatan rakyat juga diikat dengan pelbagai konsep yang diwujudkan. Antara konsep yang popular ialah konsep *devaraja* dan *zillullah fil ardh*. Masyarakat Melayu pra kedatangan Islam berpegang dengan konsep *devaraja* iaitu raja ibarat Tuhan (Bharuddin 2005). Raja pada waktu itu dijulang sebagai tuhan dan dipercayai sebagai keturunan dewa dan dewi. Oleh itu, setiap apa yang raja perkatakan akan dijulang ibarat firman Tuhan. Raja juga dianggap suci dan sakral serta memiliki unsur-unsur magis yang mengesahkan juga menguatkan kedudukan raja di takhta. Setelah kedatangan Islam, maka unsur *devaraja* ini perlahan-lahan digantikan dengan konsep *zilullah fil ardh*. Konsep ini berkuatkuaasa kerana pegangan akidah Islam yang mentauhidkan Allah s.w.t sebagai Tuhan dan raja bukanlah siapa-siapa melainkan hanya makhluk Tuhan yang hina. Walaubagaimanapun, raja-raja masih lagi disanjung oleh masyarakat sebagai insan yang mentadbir negeri. Konsep *zilullah fil ardh* digunakan dengan menyamakan raja sebagai bayangan Allah di bumi. Konsep ini diinspirasikan oleh empayar-empayar Islam terdahulu. Konsep ini digunakan pakai oleh ramai sultan-sultan Melaka seperti Sultan Muhammad Syah, Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah. Konsep ini menyatakan bahawa takhta yang dimiliki oleh raja ialah sebuah amanah untuk mensyiarkan agama dan syariatNya, seperti peranan seorang khalifah. Ini juga meletakkan raja dalam ingatan bahawa setiap kekuasaan dan keagungannya hanyalah sedikit bayangan daripada keagungan dan kekuasaan Allah Maha Besar (Anon t.th).

Kesemua konsep inilah yang menjadi ikatan kesetiaan rakyat dengan raja. Dan kesetiaan rakyat kepada raja ini menjadi aspek yang melengkapkan makna feudalisme, yang menekankan ketaatan dan kesetiaan golongan diperintah kepada golongan memerintah. Asas feudalisme itu sendiri berkaitan dengan kesetiaan dan peletakan raja di kedudukan teratas hierarki masyarakat sepertimana yang berlaku jauh di zaman dahulu semasa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Asas ini juga serba sedikit terbawa ke zaman sekarang, dengan penyesuaian mengikut zaman moden.

#### **4.0 PENGARUH FEUDAL**

Hasil daripada feudalisme sejak zaman dahulu, pengaruhnya telah melebar sehingga ke zaman sekarang dan sememangnya membawa banyak kaitan dengan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu dan Malaysia pada hari ini. Kita dapat lihat pengaruh raja-raja dalam aspek bahasa iaitu bahasa Melayu serta aspek agama iaitu agama Islam.

##### **4.1 Pengaruh Feudalisme dalam Bahasa**

Pengaruh feudalisme dalam bahasa iaitu bahasa Melayu dapat kita lihat sejak dari dahulu lagi. Pada 1 Julai 1896, Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dibentuk oleh pihak British atas alasan untuk melicinkan pentadbiran dan sebuah mesyuarat antara raja keempat-empat negeri iaitu Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang serta Yamtuan Besar Negeri Sembilan dan pihak British diadakan. Mesyuarat tersebut dinamakan dengan nama Durbar yang berasal daripada kata Urdu-Parsi *darbar* yang bermaksud istana raja. Durbar Pertama diadakan di Kuala Kangsar pada 13 Julai 1897.

Durbar Kedua diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Julai 1903 dan durbar inilah yang memperlihatkan kelantangan raja-raja mengenai bahasa Melayu. Pada Durbar Kedua ini, Yamtuan Besar Negeri Sembilan, Yamtuan Muhammad telah menyuarakan tentang bahasa Melayu. Baginda menyatakan usul supaya bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi Persekutuan. Hal ini kerana, bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan meluas di pada waktu itu, oleh rakyat jelata mahupun raja-raja. Justeru itu, ia akan membawa kelicinan dalam komunikasi. Namun usul

baginda dibantah oleh W.H Treacher dengan hujah bahasa Inggeris ialah bahasa pentadbiran awam serta bahasa perdagangan yang akan memudahkan urusan pentadbiran dan ekonomi. Persetujuan dicapai dan memihak kepada bahasa Inggeris. Walaupun usul baginda dibantah British, namun peristiwa ini ialah manifestasi kepada peranan raja dalam bahasa. Peristiwa ini membawa kepada sebuah lagi peristiwa yang besar. Penubuhan Majlis Raja-raja ialah hasil daripada keberhasilan Durbar yang pernah berlangsung. Semasa menurunkan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, Raja-raja Melayu telah menyampaikan 7 wasiat.

Antara wasiatnya ialah;

“Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu”.

Bait-bait wasiat ini telah diterjemah kepada Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 152. Perkara 152 ini memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, namun tidak menafikan hak-hak bahasa lain untuk dipelajari, dikembangkan dan digunakan. Sebarang pindaan tidak dibenarkan melainkan dengan perkenan Majlis Raja-raja. Pada 5 Oktober 2016, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengadakan Majlis Titah Diraja. Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mencemar duli untuk menghadiri majlis ini. Baginda bertitah agar penguasaan bahasa Melayu tidak dipinggirkan dalam usaha kita menguasai bahasa Inggeris. Baginda juga bertitah agar kita tidak menggadaikan pusaka bangsa demi mengejar kemajuan dan pembangunan modal insan bersifat global (Mohd Anwar 2016). Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa peranan raja-raja dalam aspek perbahasaan ialah sangat penting serta merentas zaman. Raja-raja sangat menyayangi bahasa Melayu dan tidak ingin bahasa Melayu hanyut begitu sahaja dek arus pemodenan yang kian rancak membadai negara kita.

#### **4.2 Pengaruh Feudalisme dalam Agama**

Pengaruh feudalisme dalam agama iaitu agama Islam dapat kita saksikan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka menerusi peristiwa pengislaman raja yang telah membawa kepada pengislaman seluruh negeri. Ada beberapa sumber yang menyatakan teori pengislaman Sultan Melaka iaitu Parameswara iaitu kekaguman

Parameswara dengan amalan solat berjemaah, perkahwinan Parameswara dengan puteri Kerajaan Perlak, mimpi Parameswara bertemu Rasulullah s.a.w, dakwah ulama Jeddah dan dakwah Laksamana Cheng Ho (Mohd Fadli 2018). Teori-teori ini berlegar dan menjadi perdebatan tentang asal-usul dan asbab pengislaman Parameswara. Namun, apa yang menjadi fokus di sini ialah, pengislaman raja iaitu Parameswara, telah berjaya mengislamkan keseluruhan negeri Melaka pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa ketaatan dan kesetiaan rakyat pada ketika itu juga membawa kepada kerelaan mereka untuk menuruti perlakuan raja dalam beragama (Mohd Taib 1980). Ini menjelaskan peri pentingnya peranan raja dalam beragama pada ketika itu. Setelah pengislaman Parameswara pada ketika itu, Melaka menjadi antara pusat dakwah terpenting di Nusantara. Istana Melaka dijadikan pusat perbincangan ilmuan-ilmuan agama serta pusat pengajian bagi kerabat dan golongan bangsawan. Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah dan dalam pentadbiran Bendahara Tun Perak menjadi tumpuan ulama-ulama dari Nusantara dan Islam pada masa itu tersebar jauh ke luar Semenanjung (Adib Majul 1978). Sultan juga berperanan untuk melantik para mufti, kadi, imam serta guru-guru agama di dalam negeri.

Berganjak sedikit ke era moden, peranan raja-raja dalam agama tidaklah kurang sewaktu kedatangan British ke Tanah Melayu. Sewaktu British memperkenalkan Sistem Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, British telah mensyaratkan bahawa urusan pentadbiran akan dijalankan atas nasihat dan pemantauan daripada pihak British, manakala, urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu diserahkan kepada sultan-sultan negeri tersebut (Hairuddin & Che Asiah 2008). Hal ini menunjukkan bahawa peranan raja dan sultan dalam urusan agama cukup besar. Andai urusan agama ini tidak diserahkan kepada sultan, maka pastinya unsur sekularisme akan meresap ke dalam amalan agama masyarakat terdahulu, dan mungkin akan meninggalkan kesan yang buruk kepada masyarakat, pada hari ini. Agama Islam juga ada diwasiatkan oleh raja-raja Melayu dibawah wasiat kelima. Wasiat ini juga diterjemahkan kepada Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 3. Islam diisytiharkan sebagai agama Persekutuan tapi agama-agama lain bebas untuk diamalkan di Malaysia. Bagi setiap negeri yang mempunyai raja, maka raja akan mejadi ketua agama Islam di negeri itu tertakluk kepada perlembagaan negeri.

Bagi negeri yang tidak mempunyai raja pula seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, Yang Dipertuan Agong akan menjadi ketua agama Islam bagi negeri itu (Hairuddin & Che Asiah 2008). Hal ini menunjukkan bahawa peranan raja-raja dalam hal ehwal agama ialah suatu perkara yang merentas zaman dan bukannya hanya di zaman raja berkuasa mutlak.

### **4.3 Hubungan Emosional Raja dan Rakyat**

Berdasarkan perkaitan-perkaitan bahasa dan agama dengan raja, maka wujudkan satu hubungan emosional yang kompleks antara raja-raja dan rakyat khususnya orang Melayu. Wasiat Raja-raja Melayu itu sendiri telah dengan sendirinya mewujudkan satu hubungan emosional yang kompleks tapi meninggalkan kesan yang mendalam.

Selain bahasa Melayu, Raja-raja Melayu juga ada mewasiatkan beberapa perkara yang sehingga hari ini menjadi panduan kita dalam bernegara. Sebagai contoh, wasiat ketujuh iaitu kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Wasiat ini juga diterjemah kepada Perlembagaan Persekutuan dibawah Perkara 153 yang memberi tanggungjawab kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah & Sarawak. Pelembagaan Persekutuan juga memperuntukkan rizab kuota orang Melayu dan Bumiputera dalam perkhidmatan awam, kemudahan pelajaran, permit dan lesen perniagaan (Anon t.th). Perkara ini dilihat sebagai pengimbang kepada perpaduan kaum di Malaysia. Di zaman 70-an, anak Melayu ketinggalan jauh dalam bidang pelajaran, hasil sistem pendidikan British yang tangkap muat. Pelajar ijazah pertama di universiti awam pada 1970, golongan Bumiputera ialah 40.2 peratus atau 3,084 pelajar berbanding bukan Bumiputera iaitu 59.8 peratus atau 4,593 orang. Akibat inilah, Akta Universiti Teknologi MARA diwujudkan atas dasar ingin meramaikan orang Melayu dan Bumiputera dalam pendidikan tinggi negara serta memperbaiki jurang-jurang yang sedia ada seperti jurang profesional antara kaum (Nazri Muslim 2018). Hak pendidikan yang dinikmati oleh orang Melayu pada hari ini ialah hasil wasiat Raja-raja Melayu. Ini justeru berjaya membina satu hubungan emosional yang didasari

oleh ketaatan rakyat kepada raja walaupun zaman monarki mutlak sudah berlalu. Hubungan ini dilihat cukup utuh dan kuat apabila setiap kali raja-raja dihina, maka orang Melayu akan bangkit dan menentang seperti membuat laporan polis dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung berjaya menyemai semangat patriotik dalam kalangan rakyat.

Prinsip Rukun Negara yang diperkenalkan oleh Majlis Perundingan Negara pada 1970 pasca Rusuhan 13 Mei 1969 terkandung frasa “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” jelas menunjukkan bahawa ketaatan dan kesetiaan kepada raja-raja ialah sesuatu yang patriotik dan menunjukkan perlakuan seorang yang berpegang dengan prinsip nasionalisme. Walaupun kuasa raja-raja dalam bidang eksekutif agak terhad, namun kesetiaan rakyat kepada raja-raja tidaklah berkurang sama sekali.

## **5.0 KESIMPULAN**

Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa feudalisme memainkan peranan yang cukup hebat dalam kehidupan orang Melayu, dari zaman dahulu sehinggalah ke zaman sekarang. Pemusatan kuasa pada raja-raja pada zaman dahulu benar-benar telah mencorakkan politik orang Melayu pada hari ini. Feudalisme ini menggambarkan bahawa ikatan raja-raja dan orang Melayu bukanlah sesuatu yang mudah untuk diputuskan kerana hampir setiap aspek kehidupan orang Melayu, bersangkutan dengan raja.

Raja dan rakyat saling memerlukan dan saling melengkapi. Raja tidak akan dapat berada di takhta sebagaimana rakyat tidak dapat hidup dengan aman tanpa perlindungan dan naungan raja. Penguasaan ekonomi oleh raja melalui hasil cukai dibantu oleh kerja keras rakyat dalam mengeluarkan hasil pertanian. Kesejahteraan rakyat di dalam negeri pula disumbangkan oleh peranan raja dalam melindungi dan menjaga keamanan negeri.

Hubungan antara raja dan rakyat yang termeterai sejak *waadat* Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun telah berjaya mengikat dua golongan ini dalam satu ikatan yang utuh. Keharmonian antara dua golongan ini tidak keterlaluan jika dikatakan penting dalam mewujudkan keharmonian di negara. Walaupun zaman telah moden, namun *waadat* itu terus dijadikan panduan hidup oleh raja dan rakyat. Kedaulatan raja yang diakui sejak persetiaan itu dimeterai masih dihormati dan diakui oleh rakyat. Raja juga harus menjaga rakyat dan melindungi mereka sebagai tukaran kepada kesetiaan dan ketaatan yang ditawarkan oleh orang Melayu. Struktur pemerintahan negara kita yang menjunjung prinsip Raja Berpelembagaan hendaklah terus dipelihara dan dipertahankan.



## RUJUKAN

- A.Samad Ahmad. 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. 1995. *Hukum Kanun Melaka*. Melaka: Penerbitan Perbadanan Muzium Melaka.
- Adib Majul, C. 1978. *Muslim in the Philippines*. Manila: The University of Philippines Press.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Jelani Halimi. T.th. *Undang-Undang Laut Melayu: Undang-Undang Perahu dan Undang-Undang Belayar*. Sintok: Pusat Pengajian Umum UUM.
- Ali Ahmad. 1987. *Kajian sejarah Melayu*. Melaka: Fajar Bakti.
- Anon. 2010. Asal-usul Majlis Raja-raja. <http://www.majlisraja-raja.gov.my/index.php/bm/component/content/article/8-kategori/21#section=p2> [26 Disember 2020].
- Anon. 2013. Raja Melayu Zilullah fil Ardh. <http://www.khazanahbendaharaserimaharaja.com/raja-melayu-zilullah-fil-ardh.html> [23 Disember 2020].
- Anon. 2017. “Waad” Pencetus Konsep Daulat dan Derhaka. <http://nyala.ungguncreative.com/waad-pencetus-konsep-daulat-dan-derhaka/> [25 Disember 2020].
- Anon. T.th. <http://melayu.library.uitm.edu.my/3475/1/7WasiatRaja-RajaMelayu.pdf> [28 Disember 2020].
- Azmi Arifin. 2006. Konsep feudalisme: takrif, ciri-ciri dan garis sempadan. *JEBAT* 33: 45-72.
- Bazrul Bahaman. 2015. Konsep rakyat dan peranannya dalam negara. *Jurnal Peradaban Melayu* 10: 123-134.

- Bharuddin bin Che Pa. 2005. Ketua negara mengikut konsep Islam dan realiti semasa di Malaysia. *Jurnal Syariah* 13(1): 1-22.
- Gullick, J. M. 1970. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hairuddin Megat Latif & Che Asiah Abdullah. 2008. Islam dalam Perlembagaan Malaysia: kewajarannya berdasarkan factor Kesultanan Melayu. *REKAYASA-Journal of ethics, legal and governance* 4: 1-12.
- Herlihy, D. 1970. *The History of Feudalism*. London: MacMillan and Co Ltd.
- Jomo Kwame Sundaram. 1986. *Pembangunan Ekonomi Dan Kelas Sosial Di Semenanjung Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohd Anwar Patho Rohman. 2016. Jangan pinggir bahasa Melayu-Sultan Nazrin. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/10/199047/jangan-pinggir-bahasa-melayu-sultan-nazrin> [26 Disember 2020].
- Mohd Fadli Ghani. 2018. Kesultanan Melaka: Pengislaman Dan Berdirinya Pemerintahan Islam. <https://berita.pas.org.my/kesultanan-melaka-pengislaman-dan-berdirinya-pemerintahan-islam/> [26 Disember 2020].
- Mohd Fadli Ghani. 2018. Kesultanan Melaka: Pusat Penyebaran Islam Nusantara. <https://berita.pas.org.my/kesultanan-melaka-pusat-penyebaran-islam-nusantara/> [24 Disember 2020].
- Mohd Fadli Ghani. 2018. Kesultanan Melaka: Pusat Perdagangan dan Dakwah. <https://berita.pas.org.my/kesultanan-melaka-pusat-perdagangan-dan-dakwah/> [23 Disember 2020].
- Mohd Taib Osman. 1980. Islamisation of the Malay : A Transformation of Culture. Dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Yusoff Hashim. T.th. Daulat dalam tradisi budaya politik kesultanan Melayu abad ke-15 dan awal abad ke-16: antara mitos dan realiti. *Jurnal Sejarah*. 215-238
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. Kesultanan Melayu Melaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Nazri Muslim. 2018. Bagaimana hak istimewa Melayu boleh tergugat. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/08/460606/bagaimana-hak-istimewa-melayu-boleh-tergugat> [28 Disember 2020].
- Osborn, S. 1857. *Quedah; or, stray leaves from a journal in Malayan waters*. London: Longman.
- Prof Madya Dr Haji Awg Asbol bin Haji Mail. 2018. Pengiran Bendahara Brunei Dan Bendahara Melaka: Satu Perbandingan Peranan Politik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) 2018*.
- Reid, A. 1995. *Southeast Asia in The Early Modern Era: Trade, Power and Belief*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- S.Q Fatimi. 1963. *Islam Comes to Malaysia, Singapura*. Malaysia Sociology Research Institute.
- Shahrudin Maaruf. 2013. *Susunan Masyarakat Di Bawah Kerajaan Melayu Lama*. Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin. Akademi Pengajian Melayu.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays, their problems and future*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1997. *Kesultanan Melayu Melaka : pentadbiran kuno atau moden?*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.